

Tambakan Pulau Tekong 'hantui' Johor

Oleh KAMIL MASLIH dan JAMIAN AHMAD

um 02/02

Walaupun Singapura menafikan dakwaan bahawa tebus guna tanah di pulau itu sebagai penyumbang kepada banjir teruk di Johor, namun Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman tidak menolak kemungkinannya

● Reaksi kerajaan Singapura - Muka 3

tanah di pulau itu sebagai penyumbang kepada banjir teruk tersebut, namun Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman tidak menolak kemungkinannya.

Tinjauan eksklusif *Utusan Malaysia* dengan menaiki bot di

sebelah perairan Malaysia di Selat Johor hari ini dapat melihat dengan jelas kawasan penambakan itu yang menganjur jauh ke laut - iaitu ke arah negara ini.

Kawasan penambakan itu menganjur sepanjang pulau tersebut hingga tidak nampak lagi

kawasan asalnya melainkan pasir yang memutih hasil penambakan itu.

Akibatnya, ia menjadikan perairan di sebelah Singapura menjadi semakin sempit dan tidak sesuai lagi digunakan oleh kapal-kapal kecil kecuali perahu nelayan tempatan.

Hasil tinjauan mendapati tidak ada sebarang aktiviti di pulau itu melainkan terdapat sebuah pam untuk mengisi minyak bagi tujuan pembinaan.

Biarpun republik itu menafikan kerja-kerja penambakan itu sebagai punca banjir di Johor terutama daerah Kota Tinggi,

■ Lihat muka 4

KOTA TINGGI 1 Feb. - Dari mata kasar, kerja-kerja penambakan oleh Singapura di Pulau Tekong sudah terlalu hampir dengan daratan Malaysia.



Akibatnya, kesan-kesannya kini sudah dirasakan oleh penduduk di persisir pantai sebelah negara ini.

Mungkinkah juga kerja-kerja penambakan itu menjadi penyebab kepada banjir teruk di Johor terutama di Kota Tinggi baru-baru ini?

Walaupun Singapura menafikan dakwaan bahawa tebus guna

KESAN PENAMBAKAN PULAU TEKONG

- Perairan Malaysia makin sempit.
- Pergerakan arus makin kuat.
- Berlaku mendapan & pembentukan benteng pasir.
- Muara makin cetek aliran sungai terjejas mungkin punca banjir di Kota Tinggi.



Sambungan dari muka 1

Tambakan Pulau Tekong 'hantui' Johor

um 02/02

namun ia dipercayai mengakibatkan kawasan muara Sungai Johor dan Selat Johor kini menjadi semakin cetek.

Kerja-kerja menambah keluasan pulau itu dipercayai telah mengakibatkan berlakunya perubahan arus air laut di kawasan muara tersebut yang menjadi punca berlakunya mendapan pada dasar kuala sungai tersebut sehingga menyebabkan aliran air sungai terjejas serta kurang lancar.

Tinjauan di Kampung Tanjung Buai dan Kampung Tanjung Surat di muara Sungai Johor juga mendapati wujudnya beting-beting pasir yang menghalang pergerakan aliran sungai berpunca daripada perubahan pergerakan arus di perairan itu.

Namun kedua-dua kampung itu tidak terlibat dengan banjir yang berlaku kerana kedudukannya yang agak tinggi dari aras laut.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Nelayan Pasir Gogok, Ismail Hassan, 51, berkata, kawasan perairan Sungai Johor yang sebelum ini parasnya dalam kini menjadi cetek berikutan kerja-kerja penambakan yang berlaku.

"Saya menerima banyak rungutan daripada nelayan-nelayan yang mengatakan kebanyakan kawasan perairan yang dahulunya mencecah kedalaman sehingga 60 meter, kini hanya tinggal 40 meter," katanya.

Katanya lagi, dia juga mendapati beberapa beting pasir wujud di persekitaran Sungai Johor yang mana perkara tersebut tidak pernah berlaku sebelum adanya penambakan di Pulau Tekong.

Beliau percaya Kuala Sungai Johor yang kini menjadi sempit itu menjadi salah satu punca yang menjejaskan aliran air sungai ke Selat Tebrau.

Jelasnya, disebabkan perairan su-

ngai yang menjadi cetek, aliran air sungai yang sepatutnya deras telah terganggu dan menyebabkan limpahan sungai yang membanjiri bandar Kota Tinggi.

Ketua Kampung Tanjung Buai, Awang Sakyan, 56, turut bersetuju salah satu punca banjir di Kota Tinggi mungkin disebabkan muara Sungai Johor yang semakin cetek berpunca daripada kerja-kerja penambakan di Pulau Tekong.

"Kalau pada awal tahun 70-an dahulu, kapal KD Hang Tuah boleh memasuki Sungai Johor sehingga ke Tanjung Buai.

"Namun sekarang ini saya percaya kapal-kapal sebesar itu tidak boleh memasuki perairan ini lagi kerana ia tidak sedalam dulu," katanya.

Apa yang menjadi persoalan sekarang ialah adakah kerja-kerja penambakan oleh Singapura itu mematuhi Perjanjian

Malaysia-Singapura mengenai Isu Penambakan Laut pada 2005.

Antara intisari perjanjian itu ialah, Singapura akan mengubahsuai reka bentuk akhir penambakan sepanjang pesisir kawasan D di Pulau Tekong bagi memenuhi potongan dan unjuran yang dicadangkan oleh kumpulan pakar (GOE) yang dilantik kedua-dua negara.

Singapura akan menjalankan kerja-kerja pengorekan bagi mengekalkan kedalaman di kawasan itu sentiasa pada 12 meter di bawah dasar laut selain mengubahsuai benteng batu di Changi supaya dapat mengurangi pusaran arus di Kuala Johor.

Republik itu juga akan membayar sejumlah RM374,400 sebagai pampasan melibatkan RM5,200 bagi setiap nelayan yang terjejas pendapatan mereka akibat kerja-kerja penambakan itu.